

# KEMBARA

## Lembah Bujang semakin sepi

BH  
30/4/17  
ms 66

➔ Tapak tamadun terawal, tertua di Asia Tenggara gagal tarik kedatangan pelancong

**H**ampir sembilan bulan tapak Kompleks Arkeologi Lembah Bujang di Sungai Batu, Kedah diisytihar sebagai tamadun terawal dan tertua di Asia Tenggara.

Lima pakar arkeologi yang mewakili lima tamadun utama dunia iaitu Mesopotamia, Indus, Mesoamerica, China dan Greek-Rom mengesahkan Lembah Bujang lebih tua daripada Angkor Wat di Siem Reap, Kemboja dan Candi Borobudur di Jogjakarta, Indonesia.

Sejak penemuan tapak arkeologi itu lebih 10 tahun lalu, pelbagai

**Fakta nombor**

**2,000**  
TAHUN

Usia Lembah Bujang

**1,200**  
TAHUN

Usia Candi Borobudur di Jogjakarta

**900**  
TAHUN

Usia Angkor Wat di Kemboja

pihak beranggapan bahawa khazanah negara itu mempunyai potensi pelancongan yang cukup besar.

Malang sekali sehingga ke hari ini, kawasan itu agak sepi. Bilangan pelancong yang berkunjung tidak seperti diharapkan.

### Masalah kewangan halang pembangunan

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Agama dan Warisan Kedah, Datuk Mohd Rawi Abdul Hamid mengakui hakikat gerak kerja dan momentum agak perlahan di tapak arkeologi tersebut tidak sehebat ketika ia ditemui.

Mengakui masalah kewangan sebagai punca utama kepada situasi itu, beliau berkata kerajaan negeri tidak berkemampuan sepenuhnya untuk membangunkan tapak arkeologi itu.

Beliau berharap kerajaan pusat dapat memberi perhatian yang lebih serius terhadap penemuan bersejarah itu termasuk menjadikannya sebagai pusat tarikan pelancong seperti Candi Borobudur di Indonesia.



**Sebahagian** tapak peleburan besi, pelabuhan, ritual dan syahbandar yang ditemui dari kerja penggalian Kompleks Arkeologi Sungai Batu, Lembah Bujang.